

Najib arah JPJ, polis seragam tindakan undang-undang

BANGI: Datuk Seri Najib Razak berkata penguatkuasaan undang-undang oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) akan kelihatan aneh jika tindakan berbeza-beza dikenakan bagi kesalahan yang sama.

Merujuk arahan Kabinet supaya PDRM menaguhkan pengurangan kadar kompaun saman, Timbalan Perdana Menteri berkata, tindakan yang dibuat mesti seragam kerana ia membabitkan dasar kerajaan.

"Kita mempunyai dua agensi yang terbabit dalam penguatkuasaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan mengenakan denda atas kesalahan sama, jadi tindakan JPJ dan polis mestilah seragam," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan pasukan Askar Wataniah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di Akademi Percukaian Malaysia, Bangsar Baru, Bangi, di sini, semalam.

Kabinet kelmarin mengarahkan PDRM menaguhkan serta merta pengurangan kadar kompaun saman bagi pelbagai kesalahan lalu lintas serta mengarahkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy berbincang dengan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) termasuk PDRM dan JPJ mengenai isu itu.

Najib berkata, PDRM dan JPJ mesti berbincang dan membuat keputusan bersama mengenai penguatkuasaan berkenaan berikutan keputusan Kabinet itu.

Sementara itu, Najib berkata, sikap setengah pihak yang beranggapan pinjaman Majlis Amanah Rakyat (Mara) tidak perlu dibayar semula, menjadi punca peminjam tidak melunaskan tanggungjawab mereka.

Dalam perkembangan lain, Najib juga Timbalan Presiden Umno berkata tiada sebarang cubaan untuk menghalang Tun Dr Mahathir Mohamad daripada menjadi perwakilan (G7) ke Perhimpunan Agung parti November depan.

"Tiada cubaan menghalangnya," katanya ditanya mengenai dakwaan bekas Perdana Menteri itu bahawa ada pihak dalam Umno cuba menghalangnya daripada menjadi perwakilan terbabit.

Sementara itu Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, kerajaan mensasarkan jumlah anggota Askar Wataniah di negara ini ditingkatkan tiga kali ganda daripada bilangan anggota tetap tentera menjelang 2020.

Najib berkata, anggota pasukan simpanan yang ramai bukan saja berguna apabila keadaan memerlukan, malah memberi kesan positif kepada individu termasuk disiplin tinggi dan meningkatkan produktiviti.



HARGAI PEMIMPIN: Najib menerima cenderahati daripada Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Tan Sri Zainol Abidin Abd Rashid selepas melancarkan Kor Tentera Wataniah Lembaga Hasil Dalam Negeri di Akademi Percukaian Malaysia, Bangi, semalam. Turut hadir Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (belakang).